

**NASKAH CALON
SET 1 Soalan BM kertas 3**

**BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 1
[40 markah]**

TEMA : KESELAMATAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

SEKOLAH SELAMAT



Sekolah selamat bermaksud sekolah yang berada dalam keadaan yang aman dan selamat. Salah satu ciri sekolah selamat ialah sekolah yang mempunyai sistem kawalan keselamatan yang baik. Pintu masuk utama sekolah diawasi oleh pengawal keselamatan. Selain itu, setiap kelas mempunyai pelan pergerakan murid apabila berlaku kebakaran. Pelan ini membolehkan murid mengetahui tempat berkumpul dan memudahkan guru mengesan bilangan murid kelas masing-masing. Seterusnya, pihak sekolah perlu menyediakan pengawal lalu lintas untuk memastikan keselamatan murid ketika melintas di jalan raya bagi mengelakkan kemalangan. Setiap blok perlu disediakan alat pemadam kebakaran untuk memadamkan api dan warga sekolah diajar cara penggunaannya. Sesungguhnya, sekolah selamat amat penting dalam mewujudkan suasana yang selamat dan kondusif kepada semua warga sekolah.

Dipetik dan diubah suai daripada <http://tintakencana.blogspot.com>

KERTAS SOALAN TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 2
[40 markah]

TEMA: JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

SAMBUTAN HARI BELIA NEGARA



Tema Sambutan Hari Belia Negara 2023, 'Ini Masa Kita' dilihat sangat signifikan untuk menggambarkan peranan yang perlu dimainkan oleh golongan belia dalam membangunkan negara. Golongan belia di negara ini perlu memiliki beberapa ciri yang boleh membantu mereka memainkan peranan yang dihasratkan oleh semua pihak. Antara ciri tersebut ialah belia perlu memiliki nilai-nilai murni yang tinggi seperti amanah, jujur dan bertanggungjawab. Ciri-ciri ini sangat penting dalam usaha membina dan membangunkan bangsa Malaysia yang bersatu padu. Tuntasnya, kita memerlukan generasi muda yang memiliki ciri dan nilai peribadi yang unggul supaya anggota masyarakat yakin dengan kemampuan mereka untuk membangunkan dan memimpin negara pada masa hadapan.

Dipetik dan diubah suai daripada "Pembinaan Jati Diri Kental" oleh

KERTAS SOALAN TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 3
[40 markah]

TEMA : PERTANIAN, PENTERNAKAN PERIKANAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PERTANIAN TEPAT



Pertanian Tepat ialah teknologi berasaskan maklumat dalam sistem pengurusan pertanian. Teknologi ini menggabungkan amalan pertanian yang sesuai bagi memastikan keuntungan yang maksimum selain meningkatkan produktiviti. Hal ini dikatakan demikian kerana hasil padi di Malaysia masih belum dapat menampung keperluan bekalan beras negara. Kita perlu mempertingkatkan hasil padi negara bagi menjamin bekalan makanan yang mencukupi setiap masa terutamanya pada waktu kecemasan. Sehubungan dengan itu, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah memperkenalkan pakej teknologi pertanian yang dapat membantu industri padi negara. Antara kepentingan Pertanian Tepat adalah untuk mengurangkan kos pengeluaran di samping mengekalkan hasil yang tinggi. Oleh itu, penggunaan Pertanian Tepat di kawasan estet padi berskala besar dijangka mampu menarik golongan petani muda menceburi bidang ini.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Teknologi Pertanian Tepat'
<http://www.hmetro.com.my>

KERTAS SOALAN TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 4
[40 markah]

TEMA:BAHASA DAN KESUSATERAAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

KESALAHAN BAHASA PADA PAPAN TANDA



Prof. Emeritus Dato' Dr. Nik Safiah Karim melihat kepincangan bahasa Melayu pada papan-papan tanda perniagaan sebagai suatu perkara yang mat buruk dan perlu ditangani dengan segera. Hal ini menimbulkan kekeliruan dalam penggunaan bahasa yang dipelajari di sekolah dengan penggunaan bahasa yang dilihat di tempat-tempat awam. Persoalannya, adakah pihak berwajib tidak peka pada usaha memartabatkan bahasa Melayu? Papan tanda yang dimaksudkan ini bukan baru dipamerkan semalam atau sebulan yang lalu, tetapi sesetengahnya sudah wujud sejak puluhan tahun lalu. Kesalahan bahasa dalam bahasa Melayu yang jelas ialah penggunaan hukum D-M iaitu diterangkan dan menerangkan. Contohnya, perkara yang hendak diterangkan ialah kata klinik dan yang menerangkan pula ialah kata Azman. Sepatutnya papan tanda yang dipamerkan ialah Klinik Azman dan bukannya Azman Klinik.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Keracuan Bahasa pada Papan Tanda'

<https://www.sinarharian.com.my>

KERTAS SOALAN TAMAT
BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 5
[40 markah]

TEMA: KERJAYA

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

KANTA FORENSIK



Sejajar dengan perkembangan dunia sains, Polis Diraja Malaysia (PDRM) kini mengorak langkah untuk memantapkan aspek penyiasatan dalam menyelesaikan kes jenayah. Aplikasi kaedah saintifik dalam penyiasatan atau lebih dikenali sebagai forensik membantu PDRM menjalankan penyiasatan kes-kes jenayah. Menurut PDRM, forensik ialah aplikasi sains kepada perundangan. Pakar forensik mengumpulkan bahan bukti untuk dianalisis oleh Bahagian D10, Jabatan Siasatan Jenayah. Hasil laporan forensik ini digunakan untuk keperluan perundangan. Apabila kes jenayah dilaporkan, pakar forensik daripada Unit Siasatan Tempat Kejadian Jenayah mendapatkan bukti-bukti fizikal yang berkualiti dan relevan. Bukti-bukti fizikal seperti kesan cap jari, kes tumpahan bahan kimia dan sebarang dokumen yang berada di tempat kejadian akan dinilai oleh pasukan forensik.

Dipetik dan diubah suai daripada "Kanta Forensik"
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4
Dewan Bahasa dan Pustaka, 2019

KERTAS SOALAN TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 6 [40 markah]

TEMA: PERINDUSTRIAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

INDUSTRI PELANCONGAN KESEJAHTERAAN



Industri pelancongan kesejahteraan mempunyai hubungan yang rapat dengan bidang pelancongan konvensional. Industri baharu ini berkait dengan terapi minda terhadap tubuh badan untuk mensejahterakan diri. Kelebihan industri pelancongan kesejahteraan adalah sambil melancong dan menikmati keindahan tempat orang. Kita juga dapat melakukan aktiviti yang berkaitan dengan kesihatan fizikal seperti bersukan untuk kecergasan tubuh badan. Terdapat juga pelancong yang melancong untuk mencari perkhidmatan bagi mengurangkan tekanan yang dihadapi seperti yoga, meditasi dan urutan. Kadangkala, ada juga pelancong yang mencari perkhidmatan bagi menurunkan berat badan dan tatacara mengamalkan diet seimbang. Selain itu, perubatan konvensional seperti homeopati, perubatan alternatif dan perubatan menggunakan herba turut menjadi pilihan pelancong yang melancong untuk kesejahteraan diri.

Dipetik dan diubah suai daripada "Pelancongan Sejahtera"
Dewan Bahasa dan Pustaka, 2019

KERTAS SOALAN TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 7 [40 markah]

TEMA: SEJARAH DAN WARISAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan. dengan menggunakan ayat yang gramatis.

ASAL USUL BANDAR RAYA IPOH



Tahukah anda asal usul nama Bandar Raya Ipoh? Nama Bandar Raya Ipoh diambil daripada nama pokok, iaitu pokok ipoh. Kini, Ipoh merupakan antara bandar raya yang terbesar di Malaysia. Bandar raya ini terkenal dengan limau tambun dan gua batu kapur selain diberi jolokan Bandar Bunga Kertas. Bandar raya yang lahir daripada liku-liku sejarah ini mempunyai pelbagai keistimewaan yang menarik dan berbeza dengan bandar-bandar lain di negeri Perak. Bandar raya ini bermula daripada sebuah perkampungan Melayu yang wujud lebih kurang 100 tahun dahulu di tebing Sungai Kinta. Ipoh diapit oleh Banjaran Titiwangsa di sebelah timur dan Gunung Keledang di sebelah barat. Di samping itu, bandar raya ini dikelilingi oleh bukit-bukit batu kapur sehingga menjadikannya sebuah bandar yang unik.

Dipetik dan diubah suai daripada "Asal Usul dan Sejarah Nama Ipoh" oleh Freddie Aziz Jasbindar, <https://www.orangperak.com>

KERTAS SOALAN TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 8 [40 markah]

TEMA: SUKAN DAN REKREASI

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

REKREASI



Rekreasi ialah aktiviti yang dilakukan oleh individu atau kumpulan pada masa lapang atau pada hujung minggu. Rekreasi merupakan suatu aktiviti berfaedah yang dapat menyihatkan badan dan mencerdaskan minda. Selain itu, aktiviti rekreasi dapat menguatkan otot dan membakar lemak yang berlebihan dalam badan. Rekreasi juga merupakan aktiviti riadah yang bertujuan untuk merehatkan minda, memberikan keseronokan dan memupuk nilai-nilai murni. Aktiviti rekreasi terbahagi kepada dua iaitu rekreasi dalam dan rekreasi luar. Rekreasi dalam merujuk kepada aktiviti yang dilakukan di tempat tertutup dan tidak terdedah kepada pancaran matahari seperti permainan badminton, skuasy dan boling. Manakala rekreasi luar dijalankan di tempat yang lebih luas dan terbuka seperti permainan bola sepak, memanah dan bola tampar.

Dipetik dan diubah suai daripada
<http://saudagaroutdoor.blogspot.com>

KERTAS SOALAN TAMAT